



Headline: Dua guru wanita, kerani rugi ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 13 October 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 18

Dua guru wanita, kerani rugi ditipu Macau Scam

KUCHING – Dua guru wanita dan seorang pembantu kedai kerugian ribuan ringgit selepas diperdaya sindiket Macau Scam kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri, Deputi Superintendant Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, modus operandi sindiket itu sama iaitu menyamar sebagai pegawai polis dan mendakwa mangsa terlibat dengan dadah, kes langgar lari dan pengubahan wang haram.

Katanya, kesemua mangsa berusia dalam lingkungan 30 dan 40-an.

“Guru pertama kerugian RM4,700 selepas ditipu lelaki yang menyamar polis mengatakan dia terlibat dengan pengedaran dadah dan pengubahan

wang haram. Wang itu dipindahkan daripada akaun Tabung Haji mangsa ke akaun bank suspek atas nama Juti Ri.

“Kes kedua melibatkan guru wanita yang kerugian RM3,000 apabila diperdaya lelaki menyamar polis yang mendakwanya terlibat dengan kes langgar lari. Suspek mengatakan mangsa perlu membayar jumlah itu untuk menyelesaikan kes selain mendakwa mangsa mempunyai RM2 juta hasil aktiviti pengubahan wang haram,” katanya.

Tambahnya, kes ketiga melibatkan seorang kerani yang kerugian RM880 selepas terpedaya dengan suspek yang mengatakan dia membuat pinjaman peribadi RM40,000 dan mempunyai tunggakan sebanyak RM3,795.